

Media Title : Sinar Harian
Headline : Elak jadi mangsa tipu iklan badal haji - Dr Zulkifli
Date : 23 January 2026
Section : SinarIslam
Page : 17



Elak jadi mangsa tipu iklan badal haji - Dr Zulkifli

UMAT Islam diingatkan supaya lebih bijak dan berhati-hati menilai iklan tawaran badal haji serendah RM1,500 kerana ia berisiko tinggi melibatkan penipuan dan tidak menepati syarat sah pelaksanaan ibadah haji.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr Zulkifli Hasan berkata, tawaran badal haji secara komersial dengan harga sedemikian adalah tidak munasabah dan tidak selari dengan

kos sebenar yang ditetapkan oleh kerajaan Arab Saudi.

"Saya menasihatkan umat Islam di negara ini supaya menyemak kesahihan sebarang tawaran badal haji yang diiklankan secara meluas di surau, masjid serta platform media sosial oleh agensi pelancongan atau individu bagi mengelakkan menjadi mangsa penipuan," katanya.

Beliau berkata pakej perkhidmatan



UMAT Islam diingatkan agar tidak terpedaya dengan iklan badal haji serendah RM1,500 di pasaran.

badal haji yang ditawarkan adalah sukar dilaksanakan secara komersial kerana setiap jemaah haji, termasuk penduduk tempatan di Arab Saudi kini perlu memiliki visa haji yang sah untuk menunaikan haji.

"Kebanyakan pakej badal haji pula ditawarkan pada harga yang tidak munasabah, kerana jauh lebih rendah berbanding kos sebenar yang ditetapkan oleh kerajaan Arab Saudi untuk seseorang menunaikan haji secara sah," katanya.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan Arab Saudi mewajibkan setiap jemaah luar negara memiliki visa haji yang sah, manakala penduduk tempatan perlu mendapatkan permit khas dan tidak semua permohonan akan diluluskan oleh Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi.

Zulkifli berkata, pada musim haji 1447H/2026 yang akan datang, kerajaan Arab Saudi akan terus melaksanakan penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat.

"Sekiranya jemaah haji ditangkap menggunakan visa atau permit tidak sah akan berdepan hukuman denda, penjara dan disenarai hitam daripada memasuki Arab Saudi untuk tempoh beberapa tahun," katanya.

Beliau berkata kerajaan Malaysia dan Tabung Haji sentiasa memberikan peringatan dalam usaha meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan menyemak kesahihan terlebih dahulu supaya tidak menjadi mangsa penipuan pakej haji dan badal haji. -Bernama